



Penubuhan Majlis Peguam Syarie Wilayah- Wilayah Persekutuan: Satu Tinjauan Terhadap Tadbir Urus Peguam Syarie

**Tadbir Urus
Guaman
Syarie**

The Establishment of Majlis Peguam Syarie of the Federal Territories: An Overview of the Governance of Syarie Lawyers

59

Submitted: 05 March 2023

Revised: 27 April 2023

Accepted: 30 April 2023

E-Published: 30 April 2023

NUR ZULFAH BINTI MD ABDUL SALAM
(Corresponding Author)
NORAZLA ABDUL WAHAB
HAMMAD MOHAMAD DAHALAN
Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor
nurzulfah@kuis.edu.my, norazla@kuis.edu.my
hammad@kuis.edu.my

ABSTRAK

Profesion Guaman Syarie terletak di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah. Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri untuk membuat peraturan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan masuk Peguam Syarie dan bagi mengawal dan menyelia kelakuan peguam syarie. Kesemua negeri-negeri di Malaysia sudah mempunyai Kaedah-kaedah Peguam Syarie masing-masing. Berikutan dari hal ini, isu berkenaan pelantikan dan syarat penerimaan masuk Peguam Syarie juga adalah merujuk kepada peraturan yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri masing-masing. Namun, Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif ke hadapan dalam menggubal Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 atau Akta 814. Akta 814 ini akan disertakan bersama dengan Kaedah-kaedah Peguam Syarie dalam mentadbirurus dan mengawal selia prosedur pelantikan, syarat kemasukan, insuran, kualiti dan etika, tatatertib dan yuran amalan. Oleh yang demikian, disebabkan oleh penubuhan Akta 814 ini, pengurusan dan hal ehwal Peguam Syarie akan dikawal selia oleh Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan. Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan ini telah ditubuhkan pada 8 Ogos 2022 dengan terdiri daripada tiga belas orang ahli. Metodologi yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan mengaplikasikan instrumen kajian perpustakaan dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan dan kajian-kajian lepas. Manakala bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat, kaedah temubual telah diaplikasikan. Hasil tinjauan awal mendapati pentadbiran Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan ini dijangkakan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2023. Ketika ini kesemua ahli induk dan ahli





jawatankuasa sedang dalam proses menyusun agenda pentadbiran supaya ianya kelihatan sistematik. Kuasa-kuasa sedia ada bagi Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan dinyatakan dalam Akta 814 dan dipercayai dapat memperkasakan integriti dan kecekapan peguam syarie.

Kata Kunci: Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie, Profesion Guaman Syarie, Tadbir Urus

ABSTRACT

The Syarie Legal profession is under the Administration of the Religion of Islam Enactments and the Syariah Court Enactments. The States' Islamic Religious Administration Enactments allocate the power to the States' Islamic Religious Council to make regulations for the procedures, qualifications and admission fees of syarie lawyers and to control and supervise the conduct of syarie lawyers. All the states in Malaysia already have their own syarie lawyer rules. Following this, the issue regarding the appointment and admission requirements of syarie lawyers are also referred to the regulations stipulated in the states' rules of syarie lawyers. However, the syarie lawyers of the federal territories have taken the initiative in enacting the Syarie Legal Profession Act (Federal Territories) 2019 or Act 814. This Act will include the Rules of Syarie Lawyers in managing the governance and regulating the appointment procedures, admission requirements, insurance, quality and ethics, discipline and practice fees. Therefore, due to the establishment of this Act, the management and affairs of syarie lawyers will be regulated by the Majlis Peguam Syarie of the Federal Territories. The Majlis Peguam Syarie of the Federal Territories was established on 8 August 2022 with a total of thirteen members. The methodology employed is a qualitative study by applying library research instruments with reference to reading materials and past studies. While for the purpose of collecting data and information, the interview method has been applied. The results of the preliminary survey found that the administration of the Majlis Peguam Syarie of the Federal Territories is expected to be fully operational in 2023. Currently, all main members and the committee members are in the process of organising the administrative agenda so as to make it systematic. The existing powers of the Federal Territories' Majlis Peguam Syarie are stated in the Act 814 and it is believed to strengthen the integrity and efficiency of syarie lawyers.

Keywords: Syarie Lawyer, Majlis Peguam Syarie, Syarie Legal Profession, Governance

PENDAHULUAN

Amalan pelantikan Peguam Syarie atau perwakilan dalam menyerahkan suatu urusan telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. Begitu juga di Malaysia, amalan pelantikan Peguam Syarie dilihat sebagai suatu profesion dalam perundangan Islam (Musa Awang, 2017). Peranan Peguam Syarie dalam institusi kehakiman dilihat sebagai amat penting bagi menegakkan keadilan. Ini kerana, tidak semua pihak yang terlibat di dalam sesebuah pertikaian mahir dan berani dalam mempertahankan hak mereka. Oleh sebab itu, kehadiran Peguam Syarie dalam mewakili pihak terlibat akan membantu seseorang yang lemah dan tidak terdaya dalam mempertahankan haknya. Malah ini sudah tentu akan membantu pihak mahkamah membuat keputusan



dengan bijak dan adil. Peranan Peguam Syarie ini adalah berdasarkan prinsip wakalah di dalam Islam. Sebagai contoh, Peguam Syarie bertanggungjawab mengemukakan dakwaan bagi pihak yang membuat tuntutan atau bertanggungjawab menafikan dakwaan bagi pihak yang dituntut (Jasri Jamal, 2005). Peguam Syarie juga lebih dikenali sebagai peguam swasta yang tidak dibayar gaji penjawat awam. Jika Peguam Syarie yang mengambil gaji daripada kerajaan dikenali sebagai Pegawai Syariah di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau Pegawai Undang-undang di Majlis Agama Islam. Justeru, disebabkan Peguam Syarie merupakan satu badan swasta maka, penubuhan Majlis Peguam Syarie yang bertindak untuk mengawal selia hal ehwal Peguam Syarie adalah diperlukan. Wilayah-wilayah Persekutuan merupakan negeri yang terawal dalam menubuhkan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan serta menggubal Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2020 (Akta 814).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk meninjau latar belakang penubuhan, peranan dan punca kuasa Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan dalam menguruskan isu berkenaan kemasukan, takaful, liabiliti, disiplin dan beberapa keperluan lain berkenaan Peguam Syarie di Wilayah Persekutuan. Seterusnya, mengenalpasti implikasi-implikasi yang wujud hasil dari penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 814.

TINJAUAN LITERATUR

Permintaan kepada khidmat guaman syarie semakin bertambah pesat di kalangan masyarakat di negara ini, ekoran banyak kes-kes yang berlaku saban hari, sama ada kes mal atau jenayah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang wujud dalam amalan profesion guaman syarie ini apabila didapati tiadanya penggubalan undang-undang atau garis panduan yang ketat bagi mengawal selia proses pelantikan, skop dan bidang tugas serta kerjaya Peguam Syarie (Nur Zulfah & et.al, 2020). Justeru, penggubalan undang-undang berkaitan etika, tata tertib dan isu-isu berkaitan profesion guaman syarie ini sedang menuju penambahbaikan apabila Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dalam proses penggubalan Akta Guaman Syarie yang dijangkakan dapat mencetuskan satu fenomena baru dalam profesion guaman syarie. Akta ini juga dipercayai mampu meletakkan profesion guaman syarie lebih berintegriti, telus dan amanah dalam bidang yang dipikul. Selain itu, ianya juga dapat memberi kesedaran berkaitan dengan keperluan Peguam Syarie dalam menegakkan dan memperjuangkan hak-hak anak guam (Musa Awang, 2017).

PERMASALAHAN KAJIAN

Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah yang bertujuan memperkasakan sistem perundangan Syariah secara holistik dan sebahagian daripada Jawatankuasa bertanggungjawab menubuhkan atau membentuk satu kluster Hal Ehwal Peguam



Syarie bagi mengkaji dan menambahbaik aspek amalan guaman Syarie di Malaysia. JAKIM juga menerusi Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil telah melaksanakan usaha ke arah penyelarasan undang-undang termasuk berkaitan guaman Syarie. Justeru, penubuhan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 814 telah digubal dan dikuatkuasakan seterusnya menjadi dorongan kepada keperluan penubuhan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan. Penelitian yang dibuat ketika ini adalah penubuhan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 814 telah digunapakai semenjak tahun 2019 namun ianya masih lagi tidak dapat diperkasakan secara holistik apabila penggubalan Kaedah-kaedah Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan yang menjadi dokongan kepada Akta 814 tersebut belum lagi dikuatkuasakan dan masih dalam proses semakan serta penambahbaikan. Justeru, menjadi persoalan dan tanda tanya bagaimanakah Majlis Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan ketika ini mentadbirurus isu berkaitan permohonan, pendaftaran, kemasukan dan etika Peguam Syarie tanpa kaedah tersebut.

SKOP DAN METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dan maklumat akan diperolehi secara dokumentasi dan temu bual. Segala dokumen perundangan utama dan subsidiari yang berkaitan akan dirujuk dan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penulisan-penulisan akademik seperti artikel, jurnal dan prosiding akan dijadikan rujukan utama sebagai panduan dalam melengkapkan kajian ini. Selain itu, kaedah temu bual separa struktur bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Peguambela dan Peguam cara serta Peguam Syarie dijadikan metod utama pengkaji dalam mendapatkan maklumat untuk menyempurnakan objektif-objektif kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Islam merupakan agama yang diredhai oleh SWT dan agama yang memimpin manusia ke arah kebahagiaan hidup serta menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Mendapat cahaya dan hidayah Islam merupakan sebesar-besar nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambanya yang terpilih. Firman Allah SWT menjelaskan:

*Pada hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu (Islam) dan
Aku telah mencukupkan nikmatKu kepadamu dan telah aku redhai Islam
itu din (agama) kamu...*

(Al-Maidah, 5 :3)

Ayat di atas menjelaskan Allah telah menyempurnakan Islam sebagai agama untuk memandu ke arah kemaslahatan dan kepentingan manusia itu sendiri. Ayat di atas juga menerangkan bahawa agama Islam telah sempurna untuk dijadikan panduan hidup dalam segenap aspek seperti kekeluargaan, kontrak, jual beli, kenegaraan, perundangan dan penyelesaian pertikaian. Justeru, kewujudan Peguam Syarie dalam



institusi perundangan dan kehakiman Islam hendaklah sentiasa berusaha mencari penyelesaian dalam segenap permasalahan. Peguam Syarie ini juga adalah seorang pengamal undang-undang yang berpaksikan kepada kehendak Undang-undang Islam semestinya perlu mempunyai tadbir urus yang baik untuk menggelar diri mereka sendiri sebagai seorang peguam yang membawa imej agama. Justeru, penubuhan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 814 dan Majlis Peguam Syarie adalah suatu yang membanggakan dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Peguam Syarie.

Pemeriksaan Peguam Syarie menerusi penggubalan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 yang telah digubal di dalam Parlimen Negara adalah untuk menggantikan undang-undang yang telah terpakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan iaitu Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993. Kaedah tersebut adalah sangat terhad dan tidak meliputi semua aspek yang berkenaan dengan pentadbiran dan pengawal seliaan profesion guaman syarie. Oleh yang demikian, Akta Profesion Guaman Syarie 2019 telah digubal untuk mewujudkan suatu akta yang progresif seperti mana yang ada pada Akta Profesion Undang-undang 1976. Oleh itu, perubahan-perubahan ini dilakukan adalah untuk memartabatkan profesion guaman syarie sebagai suatu kerjaya yang profesional di sisi undang-undang (Nurul Farhanah, 2020)

Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 814

Pada 9 Julai 2019, Dr Mujahid Yusof Rawa, mantan Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri dalam laman *facebook* milik beliau mengumumkan pembentangan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019. Seterusnya, Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (Akta 814) tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing pada 15 Julai 2019 dan 31 Julai 2019.

Manakala Tuan Musa Awang dalam laman *facebook* milik beliau yang ditulis pada 28 Julai 2020 menyatakan, satu Mesyuarat Jawatankuasa Induk Menguatkuasakan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (Akta 814) telah diadakan pada Selasa 28 Julai 2020, yang dipengerusikan oleh Presiden PGSM, Tuan Musa Bin Awang. Jawatankuasa ini dianggotai oleh seramai 20 orang ahli yang terdiri daripada pimpinan PGSM Pusat, pimpinan PGSM Cawangan Wilayah Persekutuan, wakil MAIWP, Penasihat Undang-Undang JAKIM, Ketua Pendaftar, Presiden Majlis Peguam dan ahli akademik. Jawatankuasa ini berfungsi bagi membantu Yang Berhormat Menteri dan/atau pihak Kerajaan dalam usahaewartakan dan menguatkuasakan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (Akta 814), menyediakan dan menyelaras pelan pelaksanaan untuk memastikan Akta berkenaan diwartakan dan dikuatkuasakan seberapa segera serta mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri dan/atau pihak Kerajaan apa-apa cadangan termasuklah apa-apa pelan pelaksanaan berdasarkan dapatan dan cadangan daripada ahli jawatankuasa. Jawatankuasa ini juga akan mencadangkan tarikh sesuai bagi pelaksanaan dan pewartaan Akta berkenaan oleh Duli yang Maha Mulia Yang di



Pertua Agong. Di bawah Jawatankuasa Induk ini telah ditubuhkan beberapa jawatankuasa kecil untuk menyediakan Draf Kaedah-Kaedah di bawah Akta 814, bagi dikuatkuasakan bersekali dengan Akta berkenaan. Walau bagaimanapun, telah berlaku kelewatan dalam usaha untuk menguatkuasakan Akta yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Julai 2019 ini disebabkan berlaku pertukaran Kerajaan pada Februari 2020 dan disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 akibat pandemik Covid-19.

Manakala Dr Nizamuddin Alias seorang pensyarah kanan menjelaskan dalam laman facebook milik beliau pada 12 Julai 2019 menyatakan peraturan berkenaan Peguam Syarie yang sedia ada adalah di bawah Kaedah-kaedah Syarie 1993. Setelah sekian lama, peruntukan di dalam kaedah-kaedah ini didapati tidak mencukupi bagi aspek pentadbiran dan pengawalseliaan profesion guaman syarie. Ia hanya meliputi perkara berkaitan kelayakan, penerimaan masuk dan aduan terhadap peguam syarie. Kaedah-kaedah sedia ada dilihat kurang berkesan untuk menjamin kepentingan dan kebajikan Peguam Syarie serta kelayan peguam syarie. Malah sejak sekian lama penerimaan masuk Peguam Syarie di negara kita adalah di bawah seliaan Majlis Agama Islam. Bagi menjamin kelancaran pentadbiran peguam syarie, sudah sampai masanya ia ditadbir oleh satu badan yang berdiri sendiri bagi mengelakkan berlakunya '*conflict of interest*'.

Secara tidak langsung ia juga menjadikan profesion guaman syarie setaraf dengan peguam di mahkamah sivil yang mempunyai badan pentadbiran mereka sendiri seperti Majlis Peguam. Akta 814 ini mengandungi 11 Bahagian dan 93 seksyen yang meliputi pelbagai aspek yang diperlukan seperti - (i) penubuhan Lembaga Peguam Syarie, fungsi dan kuasanya; (ii) penerimaan masuk Peguam Syarie dan Daftar Peguam Syarie; (iii) pengeluaran Sijil Amalan Tahunan; (iv) Hak dan keistimewaan Peguam Syarie; (v) nama firma Peguam Syarie; (vi) Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie fungsi dan kuasanya; (vii) Amalan, Kelakuan, tatatertib dan etika Peguam Syarie; (viii) prosiding tatatertib terhadap Peguam Syarie; (ix) kumpulan wang tatertib; dan (x) fi, kerahsiaan dan kuasa meminda. Implikasi langsung Akta 811 ini ialah Majlis Agama Islam tidak lagi mengawal selia proses kemasukan Peguam Syarie. Akta 814 ini juga mewujudkan empat buah badan utama dalam urusan hal ehwal Peguam Syarie iaitu Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie serta Lembaga Tatatertib. Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie berfungsi menentukan kelayakan masuk Peguam Syarie. Ia turut diberi kuasa untuk mengurus latihan dan pembangunan profesional Peguam Syarie (Tajuddin & Musa, 2022).

Kesemua Peguam Syarie yang diterima masuk selepas penguatkuasaan Akta 814 akan menganggotai Badan Peguam Syarie. Akta 814 ini memperuntukkan bagi urusan pentadbiran Badan Peguam Syarie, sebuah Majlis Peguam Syarie akan dilantik dalam kalangan Peguam Syarie yang berdaftar. Ianya merupakan amalan yang sama dipraktiskan oleh *Bar Council Malaysia* seperti yang termaktub di dalam Akta Profesion Guaman 1976. Lembaga Tatatertib pula diberi kuasa oleh Akta 814 untuk menguruskan aduan berkenaan peguam syarie. Tatacara pengurusan aduan adalah dinyatakan di



dalam kaedah-kaedah pada RUU tersebut. Terdapat beberapa perkara baru yang diperkenalkan di dalam RUU ini. Ini termasuklah latihan dalam kamar selama enam bulan, keperluan memperolehi sijil amalan tahunan sebelum beramal dan kewajipan Peguam Syarie membuka akaun anak guam. Turut diperkenalkan ialah kewajipan mengemukakan laporan akauntan untuk memperolehi sijil amalan tahunan. Peguam Syarie yang telah beramal di negeri-negeri lain di Malaysia, boleh diterima masuk untuk beramal di Wilayah-wilayah Persekutuan tanpa perlu menjalani latihan dalam kamar (Sanusi, 2022).

Akhirnya pada 21 Jun 2022, Akta 814 ini dikuatkuasakan. Ketika itu berlakunya penukaran kepimpinan parlimen dan Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri ketika itu adalah Datuk Idris Ahmad. Datuk Idris menyatakan adalah menjadi hasrat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) agar Akta 814 dijadikan model di setiap negeri. Akta ini juga dapat memperkasa profesion guaman syarie secara menyeluruh setaraf dengan profesion guaman yang dikawal selia di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166). Penguatkuasaan Akta 814 ini juga selaras dengan penetapan tarikh permulaan kuatkuasa Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No 2) 2019 (Akta A 1606). Kedua-dua penetapan ini telah diperkenankan oleh Yang di Pertua Agung pada 27 Mei 2022 dan ditandatangani oleh Setiausaha Jemaah Menteri pada 8 Jun 2022 (Ilah Hafiz Aziz, 2022).

Penggubalan kepada Akta 814 ini telah menyaksikan kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Jawatankuasa Peguam Syarie (JKPS) dan Majlis Peguam Malaysia (Bar Council). Seterusnya melalui beberapa siri bengkel yang diketuai oleh pihak berkepakaran. Sebaik Akta 814 ini dikuatkuasakan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu melaksanakan gerak kerja untuk menganjurkan mesyuarat agung Badan Peguam Syarie yang pertama dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta 814 ini (Mohd Tajuddin, 2022).

Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan

Seksyen 48 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 menjadi punca kuasa kepada penubuhan Majlis Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019.

Penubuhan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan.

(1) Suatu majlis yang dikenali sebagai Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan ditubuhkan bagi pengurusan sempurna Badan Peguam Syarie dan bagi pelaksanaan wajar fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Majlis Peguam Syarie hendaklah terdiri daripada yang berikut:



(a) mantan Presiden dan Naib Presiden Badan Peguam Syarie terdahulu yang terdekat kecuali bagi Majlis Peguam Syarie yang pertama; dan

(b) tiga belas orang Peguam Syarie yang dipilih menurut seksyen 49 dan 50.

(3) Peruntukan Jadual Kedua kepada Akta hendaklah terpakai bagi Majlis Peguam Syarie.

Berdasarkan seksyen 49 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 Peguam Syarie yang hadir dalam mesyuarat agong kali pertama boleh memilih tiga belas anggota Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan (MPSWP) untuk penggal kali pertama selama dua tahun. Sejurus pemilihan dimuktamadkan anggota Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan (MPSWP) telah menetapkan pemegang jawatan bagi Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan seperti berikut;

Presiden: Dato' Haji Zainul Rijal Bin Abu Bakar

Naib Presiden: Tuan Musa Bin Awang

Setiausaha: Puan Majdah Binti Muda

Bendahari: Dato' Hajah Hazizah Binti Kassim

Manakala Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut;

1. Tuan Haji Fakhrol Azman Bin Abu Hasan
2. Puan Syamimi Binti Abd Rahman
3. Tuan Roshdan Sujak Bin Rafie
4. Tuan Muhammad Amirul Ashraf Bin A. Ghani
5. Tuan Mohd Tajudin Bin Abdul Razak
6. Tuan Haji Abd Razak Bin Muhidin
7. Tuan Haji Abdul Halim Bin Bahari
8. Tuan Roslizam Bin Rahim, dan
9. Dato' Haji Sulaiman Bin Abdullah

Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan

Antara kaedah yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah Tatacara Mesyuarat Agong Peguam Syarie, Akaun Peguam Syarie, Laporan Akauntan, Laporan etika Peguam Syarie, Publisiti, Tata tertib, Tanggung rugi Profesional dan Perjalanan Pemilihan Anggota Majlis Peguam Syarie (Wan Sanusi, 2022). Namun kaedah-kaedah ini masih lagi belum diwartakan sehingga ke hari ini atas isu memerlukan penyemakan yang lebih teliti selepas Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan ditubuhkan. Secara umumnya, Kaedah-kaedah Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan ini ada merujuk dan mengambil



beberapa bahagian yang hampir menyerupai dengan peruntukan yang terpakai dalam Akta Profesion Guaman Sivil 1976 (Tajuddin, 2022). Walau bagaimanapun, tidak semua kaedah tersebut boleh digunapakai kerana mengambil kira beberapa kekangan dan kesukaran tertentu yang boleh menjejaskan profesion guaman syarie itu sendiri (Musa, 2022). Melalui temubual yang dibuat bersama responden terpilih iaitu Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Peguambela, Peguamcara & Peguam Syarie, Timbalan Presiden Majlis Peguam Malaysia dan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, kaedah-kaedah ini akan menyenaraikan beberapa kaedah penting yang perlu diambil perhatian bagi seorang Peguam Syarie yang ingin beramal di Wilayah-wilayah Persekutuan. Antara Kaedah-kaedah tersebut adalah Pendaftaran Firma Guaman Syarie, Pengurusan Akaun dan Pendaftaran Firma Guaman Syarie dan Insuran/Takaful Tanggungan Liabiliti Firma Guaman Syarie.

Pendaftaran dan Kelulusan Pendaftaran Firma Guaman

Sebaik sahaja Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 ini diluluskan maka segala isu berkaitan pendaftaran dan penubuhan firma guaman syarie adalah di bawah bidang kuasa Majlis Peguam Syarie (MPS). Makanya, Peguam Syarie perlu menghantar dan mendaftar nama firma sebagaimana dalam peruntukan Seksyen 39 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (Tajuddin, 2022) sebelum membuat apa-apa permohonan untuk memperbaharui sijil amalan guaman syarie bagi tahun berikutnya. Jika Peguam Syarie tersebut telah mendaftar firmanya di bawah Badan Peguam, contohnya seperti Peguam Syarie yang merupakan Peguambela dan Peguamcara, maka Peguam Syarie tersebut juga perlu menghantar permohonan mendaftar firma guaman di bawah peruntukan Seksyen 39 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 tersebut juga bagi tujuan rekod Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan (Tajuddin, 2022).

Menurut seksyen 39 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019, jika mana-mana Peguam Syarie itu berhasrat untuk menubuhkan sesebuah firma, Peguam Syarie tersebut hendaklah memohon kepada Majlis Peguam Syarie bagi pendaftaran dan kelulusan nama firma. Seterusnya seseorang pemohon itu (Peguam Syarie) hendaklah mengisi borang dengan menulis nama firma, nama Peguam Syarie dan rakan kongsi (sekiranya ada), alamat utama atau mana-mana alamat lain firma yang dicadangkan dan serta mengisi butiran yang lain-lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Majlis Peguam Syarie. Setelah itu, Peguam Syarie perlulah menunggu permohonan tersebut diluluskan oleh Majlis Peguam Syarie. Majlis Peguam Syarie boleh mengeluarkan perakuan pendaftaran dan meluluskan nama firma yang dicadangkan jika ia mengikut syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Majlis Peguam Syarie boleh menolak suatu perakuan bagi pendaftaran atas alasan bahawa nama firma yang dicadangkan itu memperdayakan atau mengelirukan dengan nama firma lain yang telah didaftarkan.

Akhir sekali, sekiranya mana-mana Peguam Syarie yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Peguam Syarie, Peguam Syarie tersebut boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Di samping itu, daftar nama firma bagi guaman syarie



juga telah diperuntukkan di dalam Sekyen 40 Akta Profesion Guaman Syarie. Majlis Peguam Syarie hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar nama firma yang di bawahnya. Selain itu, Majlis Peguam Syarie boleh mengeluarkan mana-mana nama firma daripada daftar nama firma, jika Majlis Peguam Syarie berpuas hati bahawa tiada seorang pun Peguam Syarie atau ahli firma tersebut telah tidak menjalankan amalan di bawah nama itu dengan perakuan daripada Majlis Peguam Syarie (Hammad, Norazla & Nur Zulfah, 2022).

Pengurusan Akaun dan Pendaftaran Firma Guaman Syarie

Pengurusan akaun melibatkan firma guaman syarie tidak seperti firma guaman sivil yang mempunyai akaun kelayan (Musa, 2022). Memadai firma guaman syarie hanya mempunyai akaun pejabat sahaja bagi tujuan pengurusan dan pengendalian akaun yang kemas dan teratur. Ini kerana, ada dikalangan Peguam Sivil juga tidak mempunyai akaun kelayan jika operasi firmanya tidak memerlukan menyimpan wang kelayan. Sebagai contoh firma guaman sivil yang mengendalikan urusan conveyancing dan jual beli rumah semestinya memerlukan akaun kelayan (Tajuddin 2022). Justeru, operasi Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan dalam menjawab isu melibatkan akaun firma ini adalah dengan merujuk kepada keadah pemakaian di firma guaman sivil. Jika melibatkan isu pendaftaran firma guaman syarie, setiap Peguam Syarie yang beramal di mana-mana wilayah persekutuan perlulah mempunyai firma guaman syarie. Maka, pendaftaran nama Peguam Syarie mestilah disandar kepada nama firma tempat Peguam Syarie tersebut menjalankan khidmat guamannya. Pendaftaran bagi firma guaman syarie hendaklah dibuat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Tajuddin, 2022). Tugas Majlis Peguam Syarie hendaklah memastikan nama firma tersebut tidak mengelirukan dan tidak mempunyai nama yang sama bagi dua firma (Musa, 2022). Sekiranya Peguam Syarie tersebut merupakan Peguambela dan Peguamcara yang mana telah mendaftarkan firmanya di Badan Peguam (*Bar Council*), maka tidak perlu lagi membuat pendaftaran firma di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Tajuddin, 2022).

Insuran/Takaful Tanggungan Liabiliti Firma Guaman Syarie

Menurut pandangan Tuan Musa Awang, Takaful Tanggungan Liabiliti Firma Guaman Syarie di Wilayah Persekutuan ini masih belum boleh dimuktamadkan kerana ianya memerlukan perbincangan bersama syarikat takaful. Ini kerana, ianya perlu mengambil kira kepada kadar premium dan kesudian penawaran dari syarikat takaful. Perlu juga difikirkan berkenaan amaun yang sesuai memandangkan ianya hanya untuk amalan di Wilayah Persekutuan sahaja dan timbul persoalan pula berkenaan bayaran dua kali bagi Peguam Syarie yang juga beramal selaku Peguambela dan Peguamcara yang mana mereka perlu membayar untuk perlindungan melibatkan kes sivil dan kes syariah. Di dalam Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019, ia menekankan antara lain berkenaan peranan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, penubuhan Majlis Peguam Syarie. Dengan wujudnya penubuhan-penubuhan badan tersebut diharapkan dapat memartabatkan profesion guaman syarie dipertingkatkan ke tahap yang lebih



terhormat dalam menegakkan hukuman syariah, seterusnya dapat melonjakkan lagi kualiti urus tadbir dan seliaan peguam syarie. Akta yang digubal ini adalah merupakan suatu penanda aras dan panduan yang boleh dicontohi oleh negeri-negeri lain dalam meningkatkan profesionalisme peguam syarie (Zainul Rijal, 2019).

IMPLIKASI PENGGUBALAN AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) AKTA 814

Terdapat beberapa isu yang telah dikenalpasti sebagai implikasi ekoran penggubalan Akta 814 ini;

1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak lagi menyelia berkenaan isu pengurusan, pendaftaran dan daftar masuk Peguam Syarie. Sebaik Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada 2022, kesemua urusan kemasukan Peguam Syarie selepas tahun 2022 adalah dibawah bidang kuasa Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan yang mana proses kemasukan dan pentauliahn Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan adalah berdasarkan Kaedah-kaedah Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan yang mempunyai syarat kemasukan dan permohonan yang lebih spesifik seperti perlu mempunyai firma guaman syarie, kadar fi pembaharuan sijil yang lebih mahal dan pemantauan isu etika dan tatatertib yang lebih ketat.
2. Keperluan mengikuti latihan dalam kamar selama 6 bulan menjadi syarat permohonan kemasukan Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada calon-calon Peguam Syarie yang telah mendapat pentauliahn dari negeri-negeri lain. Implikasi ini dilihat memberikan pandangan positif dan memudahkan proses permohonan Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan yang telah beramal di negeri-negeri lain terdahulu.
3. Wujudnya empat buah badan utama dalam pengurusan dan pentadbiran Peguam Syarie di Wilayah Persekutuan iaitu; Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syare, Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie dan Lembaga Tatatertib. Setiap dari badan mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang tersendiri yang memantau perkembangan profesion, etika, tatatertib dan kemasukan Peguam Syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan. Implikasi ini dilihat memudahkan tindakan diambil bagi Peguam Syarie yang cuai dalam menjalankan amanahnya dan ianya boleh menjernihkan pandangan negatif orang awam (layman) terhadap Peguam Syarie.

CADANGAN DAN SARANAN

Pengkaji melihat kepada saranan dan cadangan yang telah diberikan oleh Naib Presiden Majlis Peguam Malaysia, berkenaan isu melibatkan kaedah pengurusan dan pengendalian firma guaman syarie. Isu ini kurang didedahkan dan diajar diperingkat universiti (Muhammad Ezri, 2022). Ramai dalam kalangan graduan undang-undang



hanya diasah cara pengurusan dan pengendalian kes sehingga lupa untuk diterapkan bagaimana kaedah mengendalikan dan menguruskan firma guaman yang baik dan sempurna dari segi pengurusan akaun, pentadbiran pejabat, pengendalian staf serta hubungan bersama rakan kongsi. Pendedahan-pendedahan ini adalah penting kerana ianya membantu calon-calon peguam yang bakal membina empayar guaman mereka sendiri supaya dapat mengendalikan dan menguruskan operasi firma guaman mereka dengan baik. Pandangan ini mengambil perhatian kepada isu melibatkan operasi firma guaman, perakaunan, integriti dan tata tertib yang dipantau ketat oleh Majlis-majlis Peguam baik untuk Peguam Syarie atau Peguambela dan Peguamcara di Malaysia ini. Kebanyakan isu-isu yang wujud ketika ini dalam kalangan peguam akibat kurangnya pendedahan ilmu dalam menguruskan firma guaman sehingga mengakibatkan berlakunya kerugian, mufis atau kehilangan kelayan serta menjejaskan nama baik institusi perundangan di Malaysia.

KESIMPULAN

Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 atau dikenali sebagai Akta 814 dan penubuhan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan telah memberikan nafas baru kepada institusi perundangan syarie di Wilayah Persekutuan. Ianya sewajarnya disambut baik oleh semua negeri dan menjadikan Akta 814 ini sebagai model dalam membuat satu kaedah yang terbaik bagi isu melibatkan pengurusan dan pentadbiran guaman syarie di negeri masing-masing. Ini adalah suatu perkara yang baik yang dilihat positif dalam memperkasa profesion guaman syarie supaya berdiri seiring dengan kepeguaman sivil.

Negeri-negeri lain boleh mengambil Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 Akta 814 ini untuk menjadi asas kepada penggubalan enakman profesion guaman syarie negeri masing-masing. Ianya sedikit sebanyak dapat memberikan kesan positif dalam menyeragamkan undang-undang yang mengawal selia kemasukan Peguam Syarie dalam negeri-negeri di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK 2021)-KUIS/2021/GPIK-19/GPI/19 Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk Kajian Awal Kerangka Amalan Pendaftaran, Pengurusan Akaun dan Insurans Tanggungan Liabiliti Firma Guaman Syarie.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ilah Hafiz Aziz. (2022, Jun 15). Akta Profesion Guaman Syarie dikuatkuasa 21 Jun 2022. *Berita Harian Online*.



(<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/06/966356/akta-profesion-guaman-syarie-dikuat-kuasa-21-jun-ini>).

- Hammad Mohamad Dahalan, Norazla Abdul Wahab & Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam. (2022). *Pemeriksaan Urus Tadbir Jawatan Kuasa Peguam Syarie dalam Amalan Pendaftaran Firma Guaman Syarie di Malaysia*. *Journal of Muwafaqat*, Jilid 5. No.2, Halaman 164-176.
- Jasri Jamal. 2005. *Isu Perlantikan dan Etika Peguam Syarie*. Dalam *Kaedah Perundangan, Bidangkuasa Dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Sun. Tajul Aris Ahmad Bustani, Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Musa bin Awang. 2013. *Peranan Peguam Syarie Dalam Sistem Pentadbiran Kehakiman Islam di Malaysia: Sejarah, Cabaran dan Halatuju*.
- Musa bin Awang. 2017. *Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Ke Arah Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie*.
- Nurul Farhanah, Hammad Mohamad Dahalan, Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Mohamad Azhan Yahya. (2020). *Analisis Syarat Kelayakan Peguam Syarie Menurut Islam Dan Perundangan di Malaysia*. *Current Legal Issues*, Jilid 2, Halaman 101-108.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Nurul Farhana Yahya, Muhammad Hafifi Bin Hassim & Sharifah Hana Abd Rahman. (2020). *Amalan Perwakilan Peguam Syarie di Malaysia*. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (E-JPI)*, Vol 7. No. 2 September 2020, Hlm 65.
- Zainul Rijal Abu Bakar. (2019, Julai 21). *Era baru peguam syarie*. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/39006/era-baru-peguam-syarie>
- Zulkifli Hasan & Hasnizam Hashim. t.t. *Ke Arah Penubuhan Badan Peguam Syarie Malaysia*. *Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia*.

Statut

Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (Akta 814)

Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166)

Temubual

Mohd Tajuddin Bin Abdul Razak, 4 Oktober 2022, *Peguambela, Peguamcara & Peguam Syarie Ahli Jawatankuasa Perhubungan Mahkamah Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan*.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Muhammad Ezri Bin Abdul Wahab, 5 Julai 2022, Timbalan Presiden Majlis Peguam Malaysia.

Musa Bin Awang, 24 Jun 2022, Presiden Peguam Syarie Malaysia (PGSM) & Timbalan Presiden Majlis Peguam Wilayah Persekutuan.

Wan Mohd Sanusi Bin Wan Mohd Noor, 13 Jun 2022, Pengurus Unit Undang-undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).